

23 JUL 1996

Pameran-Multimedia

MULTIMEDIA ASIA '96 AKAN MEMPROMOSIKAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT IT DUNIA

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Pameran Multimedia Asia '96 yang akan berlangsung dari 1 hingga 4 Ogos di sini akan mempromosikan Malaysia sebagai pusat teknologi maklumat dunia, kata Pengarah Institut Sistem Mikro-elektronik Malaysia (Mimos) Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadin.

Beliau berkata, pameran itu bertujuan untuk menunjukkan pelbagai Koridor Super Multimedia (MSC) dan menggalakkan hubungan di antara syarikat multimedia tempatan dan luar negeri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan pameran itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata, MSC yang diilhamkan Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat (NITC), akan berkhidmat sebagai "papan loncatan" bagi barangan dan perkhidmatan multimedia dalam pasaran rantau ini dan seterusnya dunia.

Kos MSC dijangka berjumlah di antara RM50,000 juta dan RM100,000 juta dan akan dihubungkan kepada tiga komponen utama - Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Putrajaya.

Tengku Azzman, yang juga setiausaha tetap NITC, berkata MSC akan menyokong perubahan semulajadi dalam teknologi serta mempersiapkan Malaysia untuk menerima bukan sahaja teknologi terkini malah inovasi masa depan.

Beliau berkata, MSC bersedia menyokong matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat teknologi maklumat antarabangsa.

Katanya, sebanyak 150 syarikat tempatan dan antarabangsa akan mengambil bahagian dalam pameran yang dianjurkan oleh NITC dengan kerjasama Mimos dan Persatuan Industri Komputer di Malaysia (Pikom).

Persidangan Multimedia Asia '96 akan diadakan seiringan dengan pameran tersebut.

-- BERNAMA

ZUL WE AHH